

Cahaya

چہاے

Pembimbing Remaja Cemerlang

Bil 1/2022

Tips
Mengurangkan
Penggunaan
Gajet

#HENTIKAN
FITNAH
DI MEDIA SOSIAL

PERCUMA

ISSN 2976-2529



ICT : Iman Campur Taqwa

Bahagianya Tanpa Fitnah

Tabayyun Bukan Tibayun

Adab Bersama Gajet



IRDINA
Harumkan Nama Negara

Manfaat Teknologi



Dr. Shamsudin Othman
Madrasah sham al-Johori.

Bunga mawar di Tanjung Batu,
Harum semerbak di tepian perigi;
Dunia hebat abad dua puluh satu,
Manusia maju berteman teknologi.

Mawar mengharum kalbu meruntun,
Disunting orang buat pengasih;
Teknologi moden mendukung tamadun,
Negara terbilang peradaban canggih.

Hendak memetik mawar berduri,
Buat kekasih penawar iri;
Budaya bergajet perlu diarifi,
Agar tidak memudarat diri.

Mawar indah subur di laman,
Putih dan merah segar memukau;
Jika gajet dijadikan teman,
Pastikan diri tidak terpukau.

Sekuntum mawar mekar di jambangan,
Subur mengharum di pagi hari;
Teknologi gajet disalah jangan,
Bimbang mudarat kesal ke mati.

Mawar putih hiasan kebaya,
Dipakai gadis bertudung mengkuang;
Gajet umpama rakan sebaya,
Pengguna berilmu di pandang orang.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Cahaya diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Kandungan

SAJAK Manfaat Teknologi	2	MOTIVASI Tips Mengurangkan Penggunaan Gajet	15
SIDANG REDAKSI	3	TANYA JAWAB	16
LAMAN PENGARANG ICT : Iman Campur Taqwa	4	Hukum Mengecas Gajet Persendirian Di Masjid	
BICARA CAHAYA Kecanduan Gajet Dalam Kalangan Anak-Anak: Apa Tindakan Ibu Bapa?	6	IKON CAHAYA	17
CAHAYA KEHIDUPAN Bahana Gajet	9	NOVEL BERSIRI Cerpen : Kerana Kau, Aku Merana	18
RENCANA Bahagianya Tanpa Fitnah	12	RENUNGAN “Tabayyun Bukan Tibayyun”	21
		POSTER Adab Bersama Gajet	24
		ENGLISH SECTION Malaysian Family, A Prosperous Family	26

Sidang Redaksi



PENAUNG:
Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)



PENASIHAT:
Tuan Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



KETUA PENGARANG:
Azman Bin Mat Hassan
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)



PENGARANG:
Mohd Meftah Bin Anuar
(Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan JAKIM)



PENOLONG PENGARANG:
Nur Madihah Binti Rakes Junaidi



PENYUNTING:
Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



PENGURUS EDARAN:
Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



PEMBANTU EDARAN:
Husna Salsabila Binti Al'Ikhsan
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim



REKABENTUK:
Percetakan Norfatimah Sdn.Bhd

ICT : IMAN CAMPUR TAQWA



*Anotasi
Pengarang*
Ustaz Haji Mohd Meeftah bin Haji Anuar

Bak kata pepatah ‘Melentur buluh biarlah dari rebungnya’ yang bermaksud jika ingin mendidik biarlah pada peringkat awal. Ini kerana ‘Bagaimana acuan, begitulah kuihnya’. Ibu bapa hendaklah mula mengajar dan mendidik anak-anak dari kecil untuk menjadi insan yang beradab kepada Allah SWT atau sesama manusia mahupun sesama makhluk Allah SWT yang lain. Begitulah harapan ibu bapa agar anak-anak kekal menjadi orang beradab walau di mana sahaja mereka berada. Tidak dapat dinafikan lagi, kebergantungan manusia masa kini kepada peranti atau gajet semakin tinggi, jadi secara tidak langsung adab penggunaan gajet atau ICT turut banyak dibincangkan.

Dewasa ini terdapat banyak media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan perisian seperti *Whatsapp*, *Telegram* yang digunakan sebagai medium komunikasi. Semua pengguna juga bebas untuk berkongsi berita-berita terkini, isu semasa dan

aktiviti harian termasuk hal-hal peribadi berkaitan pekerjaan dan keluarga. Terdapat segelintir pengguna yang menulis komen dan kata-kata yang kurang sopan serta penuh dengan provokasi sama ada di laman sendiri mahupun orang lain. Kadang kala hanya kerana tidak bersetuju dengan pendapat orang lain, golongan ini akan menulis komen yang penuh ancaman, melaga-lagakan sehingga boleh membawa kepada pertelingkahan yang lebih besar. Tidak hanya berhenti disitu, golongan ini ada kalanya turut berani memberi keterangan palsu dalam perkongsian sehingga tanpa sedar, mereka telah memfitnah insan yang tidak bersalah lalu menjadi penyebab kepada kemusnahan hidup seseorang. Sedarlah bahawa sesungguhnya fitnah itu lebih kejam daripada membunuh. Jika dahulu lidah dikatakan setajam pisau, namun kini jari bisa menjadi setajam duri. Maka, jagalah adab kita dalam setiap perkongsian menggunakan peranti ICT.




Kita turut dilarang untuk menggunakan gajet ini sebagai medium mengambil keuntungan dengan cara menipu atau mencuri hak orang. Sebagai contoh, kegiatan *scammer* yang telah berjaya menipu orang ramai untuk menyerahkan sejumlah duit sehingga menyebabkan mangsa kehilangan hampir keseluruhan wang simpanan mereka. Begitu juga isu penggunaan perisian dan hak intelek orang yang telah dimuat turun secara haram melalui jaringan internet tanpa sebarang kebenaran.

Jika penggunaan gajet atau ICT dimanfaatkan sebaiknya, pasti lebih banyak kemudahan dan kebaikan yang bakal kita perolehi. Jadikan ICT itu bukan hanya “Information and Communication Technology” tetapi turut membawa maksud “Iman Campur Taqwa” agar kita sebagai pengguna sentiasa menjaga adab dalam penggunaan gajet. Jadikan kehidupan kita berlandaskan iman dan taqwa. Hindari perbuatan menyakiti, menjatuhkan

apatah lagi mengambil hak orang lain. Sentiasalah meletakkan syariat Allah SWT sebagai keutamaan sebelum membuat sesuatu agar tindakan kita sentiasa dalam keredhaanNya. Ingatlah, bahawa sesebuah gajet itu bukan terletak pada nilainya, tetapi pada penggunaannya!





Kecanduan Gajet dalam Kalangan Anak-Anak: Apa Tindakan Ibu Bapa?



Prof. Madya Dr. Khairunneezam Mohd Noor
Ketua Program Pengurusan dengan Pelancongan Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia

Albert Einstein, seorang pakar fizik yang mengutarakan teori relativiti yang agung pernah menjangka dan mengungkapkan: "Saya takut suatu hari nanti teknologi akan mengatasi interaksi manusia. Dunia akan mempunyai generasi yang bodoh." Apakah kegusaran Einstein ini hanya ilusinya atau sudah menjadi kenyataan? Jawapannya kita boleh lihat sendiri di hadapan mata kita mutakhir ini.

Dimeja makan ketika sepatutnya semua ahli keluarga menikmati hidangan makan malam bersama-sama, pasti kita sering terjumpa keadaannya bila hampir semua ahli keluarga itu menunduk diam atau tersenyum-senyum seorang diri. Kalau dua puluh atau tiga puluh tahun yang lalu, keadaan ini pastilah mengundang rasa pelik kerana duduk makan bersama-sama tapi sunyi sepi tanpa bicara.

Dulu-dulu, suasannya rancak dengan perbualan atau riuh dengan gelak ketawa sekeluarga. Masa berkualiti sesama keluarga digunakan sebaik mungkin dan terserlah silaturahim yang cukup mengujakan. Namun, situasi sebegini seakan-akan hendak pupus. Semua menunduk sepi kerana terpesona menatap skrin gajet. Itulah penanganan perkembangan teknologi dan internet yang mudah dilayari melalui gajet. Bukankah ini keadaan 'generasi bodoh' yang dimaksudkan oleh Einstein?

Ketagihan terhadap gajet dalam masyarakat semakin meluas dan mencandu. Kebanyakan kita kelihatan seakan-akan 'mayat hidup', meninggalkan realiti persekitaran dan menikmati hidup di dunia maya. Biar tiada sahabat bergelak ketawa di sisi, tapi dapat khayal bersosial di persada internet. Ketagihan itu bukan sahaja dirasai golongan dewasa tetapi kanak-kanak juga turut menerima tempiasnya.

Disebabkan penggunaan gajet yang berlebihan ini, ia sedikit sebanyak memberi kesan terhadap hubungan kekeluargaan dalam masyarakat. Memberi ruang menggunakan bahkan memberikan hak milik gajet kepada anak-anak seperti telefon bimbit, tablet dan seumpamanya kini umpsama satu trend dalam kalangan ibu dan bapa. Apatah lagi dalam suasana pandemik tidak berapa lama dulu yang kelihatan mewajarkan penggunaan gajet yang luar biasa dalam kalangan anak-anak untuk melangsungi sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi yang berkemampuan.

Niat awal kelihatan bagus, gajet dikatakan mampu merangsang pemikiran anak-anak untuk meneroka ilmu tidak terbatas. Perisian-perisian atas talian tertentu dikatakan mampu mendidik anak-anak dengan pelbagai wadah ilmu dan yang dikatakan sesuai dengan peringkat umur anak-anak yang berbeza.



Anak-anak menjadi terkawal dan diam serta ibu bapa tidak akan terganggu untuk menyelesaikan aktiviti masing-masing. Tapi malangnya, ia acap kali juga disalahgunakan oleh ibu bapa kononnya sebagai ubat merawat anak-anak daripada menangis atau ‘buat perangai’. Akibatnya, kanak-kanak akan menghabiskan masa berjam-jam untuk meneroka bukan sahaja segala aplikasi pembelajaran bahkan permainan yang mudah dimuat turun dalam gajet berkenaan. Kemahiran bersosial juga kelihatannya menjadi terhad dan ruang lingkup mahabbah dan silaturahim menjadi sempit. Menjadi lumrah, bila ada pertemuan sekeluarga sekarang ini, semua berkumpul bukan untuk bertanya khabar bertukar cerita, tapi duduk berkumpul bersama-sama tapi melayan gajet masing-masing.

Banyak kajian telah dibuat oleh pelbagai pihak untuk memerihalkan buruk dan baiknya fenomena ‘melekat dengan gajet’ dalam kalangan anak-anak. Penggunaan gajet elektronik secara berlebihan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak membawa kesan sama seperti yang dialami penagih dadah. Pakar kanak-kanak bersetuju bahawa kecanggihan teknologi membawa masalah baharu kepada pertumbuhan kanak-kanak dan memberi amaran kepada ibu bapa terhadap penggunaan gajet elektronik, termasuk telefon bimbit sebagai agen pengawal mereka.

Penyalahgunaan dadah dalam jangka panjang diketahui akhirnya akan mengubah otak pengguna dan mereka memerlukan lebih banyak dadah untuk menghasilkan keseronokan atau khayalan yang sama. Penggunaan gajet elektronik berlebihan didapati membawa kesan yang sama seperti dadah.

Fenomena dan kesan negatif kecanduan gajet ini perlu dilihat dan ditangani secara serius oleh ibu bapa dan penjaga kanak-kanak. Banyak kaedah yang boleh diaplikasikan, namun yang paling utama adalah ibu bapa boleh menunjukkan dahulu teladan dalam penggunaan gajet secara berhemah. Andai anak-anak ‘dikuatkuaskan’ dengan peraturan menggunakan gajet, namun ibu bapa pula boleh berleluasa menggunakan tanpa had, maka ia ibarat mencurah air ke daun keladi. Inilah tanggungjawab kita sebagai ibu bapa dan penjaga mereka. Pastikan mereka mampu membesar dengan persekitaran yang sihat melalui cara hidup Islam.

Allah SWT mengingatkan kita tentang ujian dan cabaran dalam mendidik anak-anak di samping ganjaran besar yang disediakan, sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-Taghabun ayat 15: “Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.” Perbetulkanlah cara kita mengasihi anak-anak dengan mengawal setiap apa yang diingini untuk diberikan kepada mereka

termasuklah dalam penggunaan gajet ini. Memberi apa sahaja permintaan anak tanpa kawalan bukanlah satu gambaran kita memberikan kasih dan sayang, malah ia pasti membinasakan mereka sama ada secara sedar ataupun tidak. Berikanlah mereka hak untuk membesar dengan sempurna tanpa sebarang gangguan dan pengaruh negatif.

Selain itu banyak panduan lain disyorkan oleh pelbagai pihak untuk mengawal penggunaan gajet oleh anak-anak. Antaranya:

1. Ibu bapa perlu memantau dan mengawal selia penggunaan gajet oleh anak-anak. Antaranya, dengan cara membuat peraturan khas dalam aspek masa dan had penggunaan gajet anak-anak setiap hari. Mungkin boleh dicadangkan bahawa had penggunaan gajet terhadap kanak-kanak hanya satu jam pada waktu pagi dan sejam pada waktu petang manakala pada waktu malam pula penggunaan gajet adalah sifar demi meluangkan masa bersama keluarga yang berkualiti.
2. Penggunaan gajet hanya di ruangan tertentu sahaja di dalam rumah dan ruangan itu mestilah mudah dipantau oleh ibu bapa, misalnya di ruang tamu, di bilik belajar atau di ruangan santai. Ini membantu ibu bapa melihat secara langsung berapa lama dan apa yang sedang dilayari oleh anak-anak melalui gajet tersebut.
3. Jangan biarkan anak-anak melayari gajet bersendirian sepanjang masa, kerana dikhuatir tanpa sedar anak-anak melayari sesuatu yang tidak sepatutnya mereka muat turun atau tonton di laman maya. Tentukan apakah jenis aplikasi permainan atau pembelajaran yang boleh dilayari atau dimuat turun oleh anak-anak. Syarikat antivirus komputer terkenal iaitu Kaspersky Lab ada memberikan panduan komprehensif bagaimana ibu bapa boleh mewujudkan *Parental Control* untuk mengawal penggunaan internet melalui gajet yang digunakan oleh anak-anak.
4. Gajet sebagai alat ganjaran dan hukuman. Kaedah ini menggalakkan anak-anak untuk berusaha membuat sesuatu seperti membuat ulang kaji, membantu urusan ibu bapa di rumah atau sumbangan dan bantuan tertentu yang dibuat oleh anak-anak. Setiap kali mereka berjaya melakukannya, ganjaran diberi dengan ruang masa tertentu untuk menggunakan gajet. Begitu juga sebagai hukuman iaitu apabila anak-anak ada melakukan sebarang kesilapan tertentu atau kegagalan melakukan sesuatu yang ditetapkan ibu bapa, maka mereka dilarang menggunakan gajet untuk tempoh masa tertentu. Ini akan mendidik mereka supaya tidak melakukan kesilapan yang sama.
5. Ada yang mengamalkan gajet yang tidak dicas baterinya sehingga penuh sebagai kaedah untuk menghadkan penggunaannya oleh anak-anak. Ini sedikit sebanyak membantu menghadkan tempoh penggunaan gajet oleh mereka.
6. Pastikan ibu bapa mempunyai dan mengaktifkan kod kata kunci untuk gajet mereka yang dirahsiakan daripada anak-anak. Ia sangat membantu dari segi kawalan kerana anak-anak terpaksa mendapatkan bantuan ibu bapa untuk mengaktifkan kod kata kunci gajet tersebut.
7. Cari alternatif lain untuk mengisi masa lapang anak-anak. Ibu bapa harus bijak mengatur aktiviti-aktiviti yang boleh menghilangkan kebergantungan anak-anak kepada gajet. Misalnya, aktiviti santai sekeluarga bermain catur, mengemas rumah, berkebun, bermain permainan minda, aktiviti keagamaan dan seumpamanya.



Bahana Gajet



Dr. Khadijah Khalilah Abdul Rashid
Kulliyah Pendidikan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Kini ia bukan pilihan, gajet menjadi alat kemestian bagi sesiapa sahaja pada zaman ini. Dalam menjalani kehidupan sehari-hari tidak kira daripada golongan mana pun, gajet diperlukan bagi memastikan kebanyakan urusan yang dilakukan berjalan dengan lancar. Mungkin dahulu gajet dilihat sebagai keperluan bagi generasi dewasa dan mahasiswa universiti, namun bukan satu perkara pelik jika golongan bayi, kanak-kanak dan warga emas turut sama menggunakan pelbagai jenis gajet pada usia mereka.

Benar, gajet telah didedahkan seawal usia bayi dan ia meliputi semua alatan termasuklah televisyen, tablet, telefon bimbit, komputer serta alatan permainan elektronik. Dalam kajian *Pew Research Center* terhadap ibu bapa di Amerika Syarikat, satu pertiga daripada mereka mengakui bahawa anak-anak bawah umur 12 tahun mula terdedah dan menggunakan kesemua jenis gajet di atas sebelum umur mereka lima tahun.

Malaysia tidak terkecuali berhadapan dengan masalah ini. Pada tahun 2019 sahaja sebelum pandemik COVID-19, satu tinjauan pendapat yang dilakukan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Lembah Klang mendapati 78.3 peratus ibu bapa membenarkan anak memiliki gajet. Umum mengetahui arahan

pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia menyebabkan banyak sektor beroperasi secara dalam talian termasuklah pendidikan. Muah atau tidak, golongan pelajar termasuklah di tadika serta sekolah rendah dan menengah, lalu menjadikan peratusan tersebut semakin meningkat.

Namun, perbalahan antara kebaikan dan keburukan gajet masih berlaku dan tidak akan berhenti. Golongan yang menjual dan mempromosi gajet tertentu terus-menerus menceritakan kecanggihan produk mereka. Golongan yang mencari makan hasil penjualan ribuan ringgit daripada gajet tetap menawarkan promosi hebat kepada bakal pembeli. Golongan yang perlu merawat dan mencari penyelesaian bagi setiap masalah yang timbul kesan penggunaan gajet tidak berputus asa menyebarkan bahana buruk gajet dari setiap aspek kehidupan.

PSIKOLOGI DAN FIZIKAL

Dapat dilihat bahawa secara asasnya gajet memudahkan banyak urusan hasil daripada kecanggihan teknologi. Semua golongan dapat menikmati kemudahan ini kerana kebanyakan gajet yang dicipta mesra pengguna. Akan tetapi, atas tiket canggih dan mudah, ia akan bertukar menjadi bahana jika penggunaanya tidak dikawal dengan baik.

Justeru, kesan tidak sihat akibat penggunaan gajet secara berlebihan boleh menjelaskan psikologi dan fizikal seseorang. Interaksi yang berlaku kesan penggunaan pelbagai jenis peranti ini bukan sahaja melibatkan mata dan tangan, namun ia bertindak balas dengan psikologi seseorang.

Seharusnya, penggunaan gajet ada batasan yang perlu dipatuhi. Apabila melebihi had yang diperlukan, bimbang ia menjadi mudarat. Kebanyakan penyakit yang dihidapi oleh seseorang adalah disebabkan pengambilan atau penggunaan sesuatu secara berlebihan. Sebagai contoh, pengambilan makanan dan minuman yang mengandungi gula secara berlebihan mengakibatkan diabetes. Bekerja secara berlebihan tanpa rehat dan kawalan emosi mengakibatkan sakit jantung atau strok.

Dari sudut psikologi, gajet menjadi kesan bahaya yang boleh menyebabkan hilang fokus dalam sesuatu tugas, kemurungan serta menggugat perkembangan dan kesihatan mental.

Fokus diperlukan dalam menyelesaikan apa-apa tugas. Tidak dapat dinafikan, telefon sebagai salah satu gajet menjadi sumber utama agar tugas tersebut dapat dilaksanakan. Namun, tahap fokus terhadap tugas akan menjadi lebih rendah berbanding tahap fokus terhadap penggunaan gajet bagi tujuan selain tugas yang diberikan. Ini dapat dibuktikan apabila seseorang itu hanya mampu bertahan beberapa minit untuk tugas yang dilakukan sebelum jari dan tangan berpindah secara pantas melayari media sosial bagi tujuan bukan berkaitan tugas. Nah, ini menunjukkan bahawa bahana gajet yang berlebihan mengakibatkan hilang tumpuan terhadap perkara yang ingin diselesaikan.

Masalah berkaitan psikologi ini menjadi lebih merisaukan apabila penggunaan gajet yang berlebihan memudaratkan kesihatan mental serta menjadi penyebab kemurungan. Biarpun ramai pihak yang memandang kemurungan ini satu perkara biasa dan bukan penyakit, namun terlalu banyak kejadian yang berlaku dibuktikan dengan kemurungan menjadi punca utama. Lihat sahaja laporan dari Institut Penyelidikan Pembangunan

Belia Malaysia pada 2017 yang merekodkan majoriti golongan belia pernah menjadi mangsa buli siber akibat penggunaan gajet, malah ada yang menghadapi tekanan sehingga cuba untuk membunuh diri sendiri.

Secara tidak langsung, fizikal seseorang akan menunjukkan kesan bahana gajet. Ketagihan menggunakan bermacam-macam jenis peranti dapat menyebabkan kemerosotan penglihatan akibat mata terdedah dengan cahaya terlalu lama. Postur tubuh, jari dan tangan akan menjadi tidak normal sedikit demi sedikit dek kerana terlalu kerap bermain permainan elektronik. Malah, ada yang sanggup mengorbankan waktu tidur pada waktu malam semata-mata melayari internet atau menonton beberapa siri filem daripada gajet. Akibatnya, waktu tidur malam digantikan pada siang hari. Ini amat bertentangan dengan fitrah Allah SWT menciptakan manusia agar waktu malam itu untuk berehat, dan bekerja pada waktu siang.

KETAGIHAN DARI HATI

Dalam banyak-banyak nikmat anggota badan yang Allah kurniakan kepada manusia, terdapat satu anggota yang memainkan peranan penting dalam pergerakan tubuh badan yang lain iaitu hati sebagaimana yang diriwayatkan al-Bukhari dalam hadis Rasulullah SAW.

Penggunaan gajet yang berlebihan mampu menghadirkan rasa tagih dalam diri seseorang. Ketagihan membuatkan seseorang itu melakukan lagi, lagi dan lagi. Ketagihan melayari laman demi laman yang ada di internet. Mencari kenalan demi kenalan dalam pelbagai akaun media sosial. Menonton video demi video berdurasi pendek dan panjang. Mencuba permainan elektronik demi permainan elektronik sehingga tidak menemui titik puas. Itulah ketagihan.

Sedar atau tidak, ketagihan itu hadir akibat tidak mampu mengawal hati dan kehendak diri. Hati itu seharusnya disiram dan dijaga dengan baik demi hidup yang sejahtera. Apabila hati tidak mendapat hak yang sepatutnya, banyak perkara memudaratkan akan timbul sedikit demi sedikit.



Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika daging tersebut baik, maka baiklah seluruh anggota badan seseorang. Namun, seandainya daging itu rosak, maka rosaklah seluruh anggotanya. Daging yang dimaksudkan adalah hati." (Riwayat al-Bukhari)

Apabila ketagihan yang terpaut di hati adalah perkara yang menjauhkan diri seseorang dengan Allah SWT, maka anggota badan akan ter dorong melakukan kebatilan dan larangan Penciptanya. Ketagihan kepada gajet ini membawa kepada banyak sifat mazmumah seperti adu domba dan sangka buruk sesama manusia apabila terbaca berita tidak pasti di media sosial, menangguhkan ibadah kerana tidak mahu "*game over*" dalam permainan elektronik, serta menimbulkan rasa ujub dan takbur apabila cuba mempamerkan kelebihan yang ada pada diri sendiri.

Namun, apabila ketagihan yang terpaut di hati bernilai ibadah dan mengejar pahala, maka tubuh badan dengan ringan berusaha mempersiapkan diri dengan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Carilah sisi ketagihan yang positif dengan pelbagai aktiviti yang mendapat keredaan Allah seperti tidak jemu melakukan solat sunat serta memperbanyak sedekah dan zikrullah.

Sebagai manusia yang diciptakan dengan kelebihan berbanding makhluk lain, seharusnya kita menggunakan akal yang dikurniakan dengan membuat pertimbangan baik terhadap perkara yang akan dilakukan oleh tubuh sendiri. Gajet hanya alat yang memudahkan pelbagai urusan manusia, sedang akal adalah anugerah paling bernilai dalam mengawal pergerakan diri. Ingatlah... jangan disebabkan alat sahaja hidup manusia terpaling arah tujuan penciptaan-Nya dan membawa kepada kebinasaan.





Rencana



Bahagianya Tanpa Fitnah



Prof Dr Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi
Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
UNISZA

Sejak akhir-akhir ini, amalan fitnah menfitnah, tuduh menuduh, sindir menyindir, menyebarkan khabar angin atau berita palsu, perkataan lucah, mendedahkan keburukan orang lain, berprasangka buruk dan sebagainya semakin menjalar dan membarah dalam masyarakat Islam. Kesemua amalan tersebut secara umumnya datang dari lidah yang tidak bertulang ini. Namun lidah boleh menjadi lebih berbahaya dari pada mata pedang yang terhunus hingga memungkinkan akibat dan implikasi yang buruk kepada umat manusia seluruhnya. Oleh sebab itu, Islam dari awal-awal lagi telah memperingatkan umat Islam akan bahaya penyalahgunaan nikmat lidah yang dianugerahkan oleh Allah Taala. Baginda SAW pernah bersabda maksudnya: “Kebanyakan dosa anak Adam adalah kerana lidahnya.” (Hadis riwayat Tabarani & Baihaqi)


Perlu diinsafi bahawa, walaupun lidah merupakan salah satu anggota tubuh badan manusia yang kecil menghiasi kesempurnaan kejadian makhluk Allah Taala, namun lidah mempunyai peranan yang agak besar dalam kehidupan manusia. Pada satu ketika, lidah boleh memulia dan mengangkat maruah

seseorang dan dalam keadaan yang lain, lidah mampu pula untuk menghina dan menjatuhkan seseorang. Malahan dengan lidah juga, ia berupaya untuk membawa kejayaan dan tidak kurang juga, ia mampu membawa kegagalan. Maka tidak hairanlah orang-orang tua ada bermadah “*sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa.*”

Menyedari akan kedudukan lidah yang amat penting dalam diri seseorang manusia, maka Rasulullah SAW bersabda maksudnya: “Ketika seseorang memasuki pagi yang hening, seluruh anggota tubuhnya akan berlutut merayu kepada lidah seraya berkata: Hendaklah engkau bertakwa kepada Allah kerana kami sangat-sangat bergantung kepada engkau. Apabila engkau beristiqamah, kami pun akan turut sama beristiqamah. Sebaliknya jika engkau menyimpang dari jalan yang benar, kami pun turut menyimpang.” (Hadis riwayat Tirmizi)

Mafhum daripada hadis tersebut menjelaskan bahawa lidah ini umpama pisau yang bermata dua. Ia bisa hadir sebagai rahmat kepada manusia di kala ungkapannya terselit unsur nasihat dan ketaatan kepada Allah Taala dan dalam masa yang sama, ia





bisa juga membawa sembilu dan kepedihan kepada umat manusia di kala lisannya mendedahkan belangnya yang tersembunyi. Gambaran sebegini amat jelas sebagai contohnya, khabar angin yang disebarluaskan bisa melonjakkan indeks ekonomi sesebuah negara, begitu juga ia mampu membuatkan indeks ekonominya jatuh merudum gara-gara hanya dengan spekulasi yang tersebar. Begitulah peranan lidah yang mengundang bahaya yang tersembunyi di sebalik ketepatan dan keindahan bahasa yang terungkap.

Menurut perspektif Islam, lidah akan melambangkan identiti seseorang sama ada dia seorang yang bertakwa dan beriman kepada Allah ataupun sebaliknya. Dalam hal ini, baginda SAW bersabda maksudnya: **“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia berkata dengan perkataan yang baik-baik ataupun dia berdiam sahaja.”**

(Hadis riwayat Bukhari)

Berdasarkan kepada hadis di atas, seseorang insan dianggap beriman kepada Allah Taala dan juga hari Akhirat sekiranya dia dapat memelihara lidahnya dari perkara-perkara yang batil dan dilarang oleh Islam. Seterusnya, seseorang yang beriman dan bertakwa akan menjuruskannya dengan amalan-amalan kebaikan dan juga bermanfaat kepada umat manusia serta mengelakkan diri dari perkara-perkara yang melalaikan. Hal ini juga ditegaskan oleh Allah Taala dalam firmanya yang bermaksud: **“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman; iaitu mereka yang khusyu’ dalam sembahyangnya, dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia.”**

(Surah al-Mukminun, ayat 1-3)


Di dalam al-Quran, Allah Taala ada menyediakan panduan bagaimana lidah seseorang yang beriman ini sewajarnya disalurkan dan dimanfaatkan kerana setiap perkataan yang terkeluar akan dirakam dan

direkodkan oleh malaikat-malaikat sebagaimana firman Allah dalam surah Qaf, ayat 18 bermaksud:

“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).”

Alangkah berbahagia dan beruntungnya orang beriman yang menyumbangkan kebaikan dan kedamaian alam sejagat melalui ungkapan kata-katanya yang senantiasa bermakna dan bermanfaat. Sehubungan itu, Allah Taala ada berfirman dalam surah an-Nisa’, ayat 114 maksudnya: **“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisik mereka kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredhaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.”** Mafhum ayat suci ini secara jelas menegaskan bahawa ada tiga jenis amalan yang dianjurkan Islam melewati lidahnya iaitu mengajak orang melakukan amalan sedekah, juga menyuruh orang lain berbuat kebaikan dan kebaikan serta mendamaikan antara dua orang atau dua pihak yang bergaduh.

Ini bermakna bahawa amalan-amalan yang selain daripada itu seperti melepak, mengumpat, bergurau senda berlebihan, menfitnah dan sebagainya adalah perbuatan sia-sia yang dilarang Islam dan ia juga mengakibatkan dosa kepada si pelakunya dan orang yang bersubahat dengannya. Malah dia termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi kelak sama ada di dunia dan di akhirat sejajar dengan firman Allah Taala dalam surah al-‘Asr , ayat 1 - 3 yang bermaksud: **“ Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu**



dalam kerugian; Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran (iktiqad kepercayaan, tutur kata dan amal perbuatan) serta berpesan-pesan dengan sabar (dalam menjalankan suruhan Allah dan meninggalkan segala laranganNya).”

Selanjutnya, Islam amat milarang umatnya dari perbuatan-perbuatan keji yang berpunca dari lidahnya seperti mengumpat, mengutuk dan sebagainya. Malahan amalan tersebut tidak termasuk dalam adab-adab susila Islam. Baginda SAW pernah bersabda maksudnya: “Bukanlah seseorang Mukmin itu yang menjadi pencaci, pelaknat, bukan yang suka berkata kotor atau yang lidahnya suka menyebut kata-kata yang hina.” (Hadis riwayat al-Bazzar dan al-Hakim). Dalam satu hadis yang lain, baginda SAW bersabda, maksudnya: “Tidak akan masuk syurga orang yang suka memfitnah.” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Jika diimbas kembali pada zaman Khulafa al-Rasyidin, sejarah Islam telah menyaksikan perpecahan dan pertelagahan yang begitu ketara dalam kalangan umat Islam akibat dari pada berlakunya fitnah terbesar pada zaman Saidina Uthman bin Affan dan juga zaman Saidina Ali bin Abi Talib. Oleh sebab itu, munculnya berbagai-bagi mazhab ilmu kalam yang berselisih pendapat dalam beberapa isu agama. Selain itu, ia memberi kesan secara tidak langsung kepada kekuatan kerukunan sesuatu bangsa dalam meneruskan perjuangan hidup yang sentiasa bergolak dengan badii pancaroba yang tidak henti-henti.

Seterusnya, kemuliaan dan penghormatan seseorang manusia di sisi Allah Taala bukanlah berdasarkan kepada rupa parasnya, kekayaannya, hartanya atau warna kulitnya. Sebaliknya neraca yang sebenarnya di sisi Allah Taala ialah nilai keimanan

dan ketakwaan yang sentiasa bertakhta dalam jiwa sanubarinya. Oleh itu, setiap Muslim hendaklah sentiasa berwaspada semasa bercakap dan bertutur dengan saudaranya yang lain dan juga memelihara lidahnya daripada melakukan perbuatan yang tercela lagi dilarang Allah Taala. Justeru, Allah memerintahkan umat Islam agar menapis dan menyaring terlebih dahulu sebarang khabar berita atau fitnah yang tersebar sama ada surat layang, berita-berita akhbar atau majalah dan sebagainya supaya tidak terperangkap dengan jerangkap dosa yang merugikan mereka kelak. Firman Allah Taala maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa satu berita, maka hendaklah kamu selidikinya (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali terhadap apa yang telah kamu lakukan.” (Surah al-Hujurat, ayat 6)

Demikianlah keindahan yang menghiasi Islam di mana kedamaian dan kesejahteraan ummah menjadi misi dan agenda utama di sebalik perutusannya kepada seluruh isi alam ini. Dari sini, hendaklah seluruh warga muslim menyedari dan menginsafi bahawa Islam adalah ad-Din yang bersifat kebaikan dan kebijakan untuk dimanfaati oleh sekalian isi alam ini di samping kalimah tauhid terus berkumandang dan dijunjung sepanjang masa.





Tips Mengurangkan Penggunaan Gajet



Muhammad Salehuddin Sulaiman
Pakar Pediatrik Hospital Kuala Terengganu

Semasa saya pulang bercuti di kampung pada 2 hari raya yang lepas, saya berasa bimbang melihat fenomena di kalangan kanak-kanak dan remaja. Gajet di tangan. Setiap masa. Sepanjang masa. Hatta ada yang tertidur dengan gajet masih *ON* di tangan. Ada kanak-kanak, termasuk bayi yang disajikan dengan gajet di meja makan. Kanak-kanak remaja bersua, keluar bersama-sama di luar, di pusat membeli-belah, di kedai makan, tetapi masing-masing menghadap telefon sendiri.

‘Ini adalah norma baharu!’

Ya, benar. Tetapi, kita perlu berhati-hati kerana gajet dan internet mempunyai banyak kesan yang negatif. Kesan negatif ini, bukan sahaja untuk kehidupan sosial mereka, tetapi juga kesan kepada kesihatan mereka.

Kajian telah menunjukkan penggunaan gajet boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti sakit kepala, sakit mata, sakit belakang dan gangguan tidur. Penggunaan gajet berlebihan menyebabkan remaja dan kanak-kanak kurang melakukan aktiviti fizikal, dan meningkatkan risiko obesiti (kegemukan). Kegemukan ini, akan menyebabkan masalah kesihatan yang lebih bahaya seperti kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang bocor (proteinuria).

Bagaimana untuk mengatasi masalah ini?

Susah. Ya, memang sukar untuk mengubah sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan atau norma. Bagaimana pun, kita masih boleh berusaha untuk mengurangkan ‘screen time’, atau tempoh masa kanak-kanak dan remaja yang terdedah kepada gajet.

1. Mulakan dengan diri kita sendiri. Kita sebagai ibubapa, perlu menjadi role model/ contoh ikutan. Jika kita turut terperangkap dengan gajet, macam mana kita mahu mendidik anak remaja kita untuk mengurangkan masa bersama gajet?
2. Letakkan satu set masa ‘tanpa gajet’. Contohnya, antara 5-7 petang, 8-9 malam sebagai *No Gadget Time*. Dan perlu tegas dengan masa ini. Tidak boleh ‘kawtim’. Hatta ibubapa sendiri.
3. Rancang aktiviti bersama keluarga. Jika waktu petang, luangkan masa untuk melakukan aktiviti fizikal. Jogging, bermain bola, berbasikal. Yang penting, tiada gajet! Di awal malam, seboleh mungkin, makan malam bersama, atau membaca al-Quran bersama-sama. Bukan sahaja kita boleh mengurangkan ‘screen time’, kita dapat mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga.
4. Sediakan ruang ‘*Gadget Free*’. Meja makan, ruang solat, dan ruang bermain/ beriadah sepatutnya menjadi kawasan larangan kepada gajet.

Dan sebenarnya, yang paling penting dan berkesan ialah tidak memberikan gajet kepada anak di bawah umur 5 tahun. Mencegah lebih baik daripada merawat. Jika ibubapa memperkenalkan gajet awal, agak sukar untuk kita anak-anak daripada terdedah kepada gajet secara berlebihan. Mereka pasti akan leka, dan akhirnya ketagih dengan gajet. Oleh itu, kurangkan pendedahan mereka kepada gajet seboleh mungkin. Mungkin anda hanya mampu buat satu atau dua benda sahaja daripada saranan saya. Semoga dapat memberi impak yang besar kepada kesihatan minda, emosi, fizikal dan perkembangan anak anda.



Hukum Mengecas Gajet Persendirian Di Masjid

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



Soalan:

Bolehkah makmum menggunakan tenaga elektrik di masjid untuk mengecas gajet persendirian?

Jawapan:

Pada asalnya, harta yang dimiliki oleh masjid adalah bersifat wakaf hasil daripada sumbangan umat Islam. Oleh yang demikian, kegunaan harta masjid termasuk penggunaan elektrik hendaklah berdasarkan niat para pewakaf.

Kaedah fiqah menyebut:

كُلُّ مُتَصْرِفٍ عَنِ الْغَيْرِ فَعَلَيْهِ أَنْ يَتَصَرَّفَ بِالْمُصلَحَةِ

“Setiap yang bertindak bagi pihak orang lain, maka hendaklah ia bertindak berdasarkan maslahah.” (1/310)

Dalam hal ini juga, bekas Mufti Mesir, Dr. Ali Jum'ah menegaskan, secara fiqhnya, setiap perkara yang diwakafkan untuk masjid seperti karpet, lampu, penyapu, air dan lain-lain tidak harus digunakan kecuali untuk keperluan masjid. Ini berdasarkan sikap Rasulullah SAW yang amat memelihara setiap perkara yang dikhatuskan untuk masjid, antaranya sebagaimana sabda baginda SAW:

إِنَّ الْحَصَّةَ لِتَنَاهِدُ الَّذِي يُخْرِجُهَا مِنِ الْمَسْجِدِ

“Sesungguhnya anak-anak batu itu benar-benar berseru (agar tidak dikeluarkan) kepada orang yang mengeluarkannya dari masjid.”
(Hadis riwayat Abu Daud, no. 460)

Dalam isu ini, mengecas gajet persendirian atau komputer riba pada asalnya adalah harus digunakan untuk perkara yang baik dan berfaedah seperti membaca al-Quran, pengajian agama, terdesak untuk menghubungi keluarga dan seumpamanya. Namun jika digunakan untuk tujuan kemaksiatan dan kesia-siaan, ia tidak diharuskan kerana bertentangan dengan matlamat asal maslahah harta masjid. Di samping itu, disunatkan bagi mereka yang menggunakan harta masjid untuk memberikan sumbangan kepada tabung masjid sebagai membantu meringankan kos perbelanjaan dan penyelenggaraan masjid demi kemanfaatan bersama. Wallahu a'lam.






Irdina Shahriman: Harumkan Nama Negara


Irdina Shahriman, nama yang banyak memenuhi akhbar-akhbar tempatan dan disebut-sebut di media sosial pada awal tahun ini dengan pencapaian beliau yang sangat luar biasa. Apa yang dikatakan sangat luar biasa adalah apabila gadis berumur 24 tahun ini yang juga merupakan pemegang basiswa Yayasan Tenaga Nasional berjaya memperolehi purata gred kumulatif (CGPA) 4.0 sepanjang tempoh pembelajaran beliau selama empat tahun di Virginia Tech (VT), Amerika Syarikat. Sebelum melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat, beliau menjalani asasi yang dinamakan Program Pertukaran Sarjana Muda Amerika (ADTP) di INTEC Education College di Shah Alam. Beliau merupakan seorang graduan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik dalam penghususan Tenaga dan Sistem Kuasa Elektrik, dimana bidang ini kebanyakannya dimonopoli oleh kaum adam. Tidak hanya menjadi yang terbaik di antara rakan sekelas yang lain, Irdina Shahriman telah mendapat kedudukan yang pertama daripada 10,000 penuntut lain di Virginia Tech (VT).

Tambahan pula, dengan kejayaan yang luar biasa itu, Irdina Shahriman juga telah dianugerahkan pingat Phi Kappa Phi iaitu anugerah kepada graduan senior dengan pencapaian akademik terbaik untuk Kolej Kejuruteraan. Kejayaan beliau ini turut membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia dan secara tidak langsung mampu memberikan inspirasi kepada anak muda yang lain untuk berjaya. Apabila ditanya bagaimana beliau mampu mencapai kejayaan tersebut, beliau memaklumkan bahawa beliau tidak dilahirkan sebagai seorang yang genius, maka tidak ada cara lain jika ingin berjaya melainkan dengan bekerja keras dan sentiasa memberikan yang terbaik.



Beliau turut berkongsi bahawa beliau tidak pernah ponteng setiap kelas yang ada sepanjang pengajian dan sentiasa tekun dalam mengambil nota ketika kelas berlangsung. Jika masih kurang memahami, beliau akan berjumpa dan berbincang dengan pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan sekelas bagi meningkatkan pemahaman berkenaan subjek tersebut. Adakalanya beliau sanggup mengorbankan masa-masa terluang untuk menyelesaikan tugas dan belajar sebagai persediaan peperiksaan, Walaubagaimanapun beliau amat menitikberatkan keseimbangan dalam menjaga kesihatan fizikal, mental dan rohani. Meskipun menempuh pelbagai cabaran di perantauan, namun dengan sifat tabah dan percaya akan diri sendiri, beliau telah berjaya mengatasi rasa takut berada di luar zon keselesaan dan sentiasa bersedia untuk belajar dari kesilapan. Adalah diharapkan agar anak-anak remaja lain boleh mengambil inspirasi daripada kejayaan Irdina ini kerana beliau telah membuktikan bahawa '*Hard Work Never Fails*'. Setiap kerja keras itu pasti membawa hasil; '*Trust and Embrace the Learning Journey*'. Anda pasti berjaya. Jika dia boleh kenapa kita tidak?





Kerana Kau, Aku Merana



Umi Sabila



Adakah kerana naluri seorang ibu, maka saya sentiasa risau dengan kehidupan anak remaja yang hidup bebas tanpa sempadan di luar sana? Retina mata terhenti pada satu berita yang terpampang di muka skrin telefon pintar, telah memberi tekanan perasaan yang sangat hebat. Tanpa sengaja saya mengeluh berat, ‘Ya Tuhan, beratnya menerima hakikat ini.’

Semalam, saya telah membaca perkongsian daripada Cikgu Fadli Salleh tentang DS (*Dark Side*) yang menjadi kebanggaan oleh bangsa Tweeter di Facebook miliknya. Hari ini baca pula perkongsian Ikbal Hakim, pyramid mahasiswa KUIS. Satu cerita yang lebih gelap daripada itu, “Kenapa umi?” encik suami bertanya, mungkin kehilangan fokus kerja, dicuri oleh keresahan saya di sisinya. Sekilas, saya memandang tanpa bicara seraya menolak perlahan telefon ke beliau.

Foto remaja melayu Islam seramai lima orang berpakaian mencolok mata duduk semeja dengan seorang pemuda di sebuah gerai makan. Saya

meneruskan pembacaan, pemuda itu bersempang dengan bertanyakan beberapa seoalan kepada remaja tersebut. Menarik untuk saya kongsikan di sini.

“Umur berapa?”

“20 tahun.”

“Oh, muda lagi, lebih kurang lepasan SPM.”

“Taklah, kami student IPT kat Lembah Klang ni.”

“Solat jaga tak?”

“Sejak kecil memang tak pernah solat, ada je mak suruh, bila masuk bilik tak solat pun, malas. Itu, biasa je bang, saya ada akaun DS Tweeter dan chanel Telegram untuk post benda 18+. Boleh duit, orang bayar untuk dapatkan akses.”

“Dalam hidup saya, sudah lebih 100 kali buat seks, dengan teman lelaki yang bertukar-tukar sejak umur saya 13 tahun lagi. Pernah juga termengandung dua bulan, terus makan pil untuk gugurkan yang sentiasa ada dalam simpanan saya.”

“Saya ada sugar daddy, sekali keluar dapat RM150 paling minimum, kalau rajin sebulan boleh cecah

RM5000. Kerjanya keluar teman lelaki berpekerjaan minum-minum je. Pergi *clubbing* empat atau lima kali dan minum arak tu sangat biasa. *You only live once*, masa muda ni nak menikmati hidup, bang.” “Mak ayah tahu tak?”

“Sememangnya mereka tak tahu. Saya jika di rumah, menjadi puteri solehah sejati, bila keluar pakaian memang macam ni.”

Allahu Rabbi, membaca pengakuan berani daripada tuan punya badan kepada pemuda yang tidak dikenali itu membuatkan saya terkaku. Bila ditanya kenapa buat semua itu, jawapannya, memang saya telah menduganya dari mula. Ibu bapa sibuk bekerja. Jauh pula tanpa bertanya khabar berita. Remaja itu banyak bersendirian dengan gajet. Pengaruh kawan-kawan juga turut menyumbang.

Ya, itu puncanya. Gajet. Penggunaan telefon pintar tanpa kawalan dan sempadan, menjadi bahana buat tuan punya badan. Lebih-lebih lagi usia remaja sinonim dengan keinginan kuat untuk mencuba sesuatu yang baharu dan menyeronokkan. Tanpa sedar, ia bakal mencorak warna identiti diri bakal menjadi kelabu. *Tittle* sebagai remaja muslim terpadam dalam lapangan kehidupan. Tanpa adanya *filter* keimanan, ia tidak mampu lagi menapis segala baik buruk dalam setiap tindakan. Terus jatuh ke lembah kehinaan.

Seram. Saya terbayang sukaranya kehidupan yang kelam dan hitam remaja itu tadi. Itu hanyalah satu juzuk dari sisi hidup, lebih merobek jiwa keibuan saya, pendedahan panas yang dibuat oleh Pakar Perubatan Keluarga, Dr Sakinah Sulong bahawa kebanyakannya pesakit yang dijangkiti HIV disebabkan amalan seks songsang dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT).

Apa yang menggerunkan saya lagi, hasil carian di Harian Metro yang bertarikh 23 Ogos 2017 menunjukkan statistik amat mengejutkan, Pengarah *Love Myself Campaign* Dr. Shamsuriani Md Jamal mengatakan “Statistik global yang dikeluarkan laman web lucah di Amerika Syarikat menyebut, Malaysia antara negara paling tinggi di Asia yang menonton sumber pronografi yang membabitkan remaja 13 hingga 17 tahun pada tahun 2015 dan 2016.

Bukankah pendedahan ini amat membimbangkan kita, dengan pelbagai berita yang tular pada hari ini menambahkan lagi masalah sosial seperti rogol, cabul, gay, sumbang mahram dan sebagainya sehingga ada yang sanggup membunuh asbabnya hasil dari penggunaan media sosial yang tidak terkawal. Mudah saja termakan hasutan dan fitnah yang akhirnya membawa kerosakan institusi kekeluargaan dan perhubungan.


Allahuakbar!

Adik remajaku, janganlah pernah kita lupa sumpahan syaitan laknatullah terhadap Allah SWT. Jika kita tidak berputus asa dengan kesabaran untuk tidak berbuat maksiat, iblis juga telah berikrar untuk tidak berputus asa menghasut manusia ke lembah hina. Dalam surah al-Hijr 15: 39. Allah SWT berfirman, maksudnya: “Iblis berkata, Ya Tuhan, oleh kerana Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semua.”

Adik remajaku sayang, lihat sahajalah jika sudah terperangkap dalam dunia siber, mereka telah menjadi orang yang gagal. Kerana apa saya katakan gagal? Kerana mereka begitu taksub dan menaruh kepercayaan yang penuh menjadi mangsa memanipulasi dan dimanipulasi seperti menjerumuskan diri dalam kancah *Dark Side* di Tweeter, apatah lagi menjual tubuh di laman web dengan mempromosikan swafoto yang paling ‘mahal’ untuk mengejar terma seperti “instafamous.”

Meniti titian hidup sebagai mahasiswa IPT pula, adalah satu peluang masa depan yang cerah terlakar, telah dimalapkan oleh perbuatan yang sia-sia. Masa yang sepatutnya disibukkan dengan memajukan diri dengan aktiviti keilmuan dan pelbagai kepakaran telah dimusnahkan. Malang sekali menikmati hidup yang disangka bermakna dan menyeronokkan itu, padahal hakikatnya penuh celaru dan keliru, setelah tidak dapat mengawal diri dan tersesat dalam menerokai kecanggihan gajet.

Peringatan dalam surah al-Asr (103:1-3) tentang masa, Allah SWT telah bersumpah melalui firmany



yang bermaksud: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati supaya menetapi kesabaran."

Jadi, remajaku yang Allah SWT sayang sekalian, mari peka dan prihatin dengan masa agar kita mengisinya dengan sebaik mungkin. Melalui cara hidup yang seimbang antara keperluan dunia dan tuntutan akhirat. Renung telefon kita itu sejenak dan mula berfikir, sejauh manakah ia menyumbang kebaikan dalam hidup? Jika ia banyak digunakan untuk maksiat dan perkara sia-sia, mari mula atur semula dan gunakan secara bersederhana, ikut cara yang Allah SWT reda.

Selain diri sendiri, insan yang paling terkesan adalah kedua ibu bapa. Setiap perbuatan baik atau buruk anak-anak, terpalit namanya sekali. Jangan kita fikir, apatah lagi menyalahkan ketidakmenjadian kita seperti hari ini atas didikan mereka. Ya, itu betul sama sekali. Namun, kita sudah dapat berfikir


sempurna dengan akal yang waras. Dengan secarik ilmu dan secalit iman dalam dada, *setting* semula niat dan matlamat, uruskanlah hidup dengan cara hidup Islami.

Bermula dengan sayangi diri, keluarga, dan juga masa depan. Kita boleh saja memilih cara hidup yang kita suka. Namun, untuk syurga, kita perlu memilih apa yang Allah SWT suka dan kita mesti kuat memperjuangkannya. Ya, sah! Hidup cuma sekali. Di dunia sekali, di akhirat juga sekali, cumanya kehidupan akhirat adalah kekal abadi berbanding dunia yang sementara ini.

Pilihlah!

Renungkan doa Abu Bakar RA yang viral ini: "Jadikanlah kami kaum yang memegang dunia dengan tangan kami, bukan hati kami.





Tabayyun bukan Tibayun



*Dr. Muhammad Ikram Bin Abu Hassan
Pensyarah Kanan
Bahagian Kurikulum dan Pengajaran
Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Satu hari Daniel membisik kepada rakannya Faris: “Engkau tahu tak, Iman yang curi duit kau haritu”. Tanpa *tabayyun* (usul periksa) terhadap maklumat yang disampaikan oleh Daniel, Faris terus pergi kepada Iman dan menarik kolar bajunya sambil berkata: “Bagi balik duit aku yang kau ambil tu pencuri!!”. Iman terkebil-kebil tanpa memahami apa yang berlaku, dan duit apa yang dimaksudkan oleh Faris.

Situasi di atas menggambarkan tajuk yang kita ingin bincangkan bersama dalam tulisan ini. Kisah di atas mungkin berlaku di bilik darjah, di taman permainan, dan di mana-mana sahaja. Apatah lagi kerap berlaku di media sosial.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Normah Mustaffa et al. (2013) menunjukkan sebahagian besar remaja yang tinggal di kawasan Lembah Klang menggunakan internet khususnya *Facebook* untuk tujuan sosial seperti tujuan hiburan dan mendapatkan maklumat. Dan menurut laporan yang dikeluarkan oleh berita harian pada tahun 2021 merekodkan bahawa penduduk Malaysia yang menjadi pengguna media sosial adalah seramai 28 juta atau 86 peratus daripada keseluruhan penduduk.


Media sosial hari ini menjadi tempat berkumpul segala maklumat. Tempat dihimpukan segala yang baik dan buruk, bermanfaat ataupun tidak. Bak kata

M. Nasir dalam lagunya sesat di Kuala Lumpur “Dosa dan pahala bercampur”. Para remaja pula antara golongan tinggi sifat ingin tahu, mereka juga paling sukar untuk membezakan dan menentukan berita yang perlu diterima dan disebarluaskan dan mana yang perlu ditolak dan menekan butang *skip*.

Selain perkara berunsur maksiat, maklumat-maklumat yang salah merupakan suatu keimbangan khususnya kepada para remaja. Maklumat yang salah boleh membentuk persepsi yang salah, seterusnya sikap dan tindakan yang salah serta akibat pada akhirnya membawa padah. Sahabat dan rakan yang baik boleh menjadi musuh dalam sekilip mata. Ahli keluarga yang sepatutnya ibarat air yang dicincang tidak akan putus menjadi musuh.

Apatah lagi maklumat-maklumat salah yang memburukkan imej agama Islam yang menjadi agama rasmi negara. Remaja yang menerima maklumat sebegini ada yang terpedaya dan menyebut: “Orang belajar agama dengan tak belajar agama sama sahaja”. Dengan itu, mereka tidak merasakan kepentingan mempelajari agama dan mendalaminya. Terbina persepsi orang berkopia hanya bertopengkan agama.

Begitu juga maklumat yang salah tentang individu-individu yang dihormati seperti guru, ustaz, ulama yang berlegar di media sosial, menyebabkan orang



hilang hormat terhadap individu tersebut. Walhal, jika deselidiki itu semua hanyalah berita palsu. Berita tersebut disebarluaskan oleh individu yang tidak bertanggungjawab dan berniat jahat menjahanamkan hubungan sesama muslim.

Yang menjadi mangsa utama disebalik alam viral ini adalah generasi baharu dalam kalangan remaja yang banyak melanggan media sosial, maklumat-maklumat ini meresap ke dalam diri mereka. Ada dalam kalangan mereka juga yang mudah untuk *share, like* dan komen.

Oleh itu, saya mengajak para remaja sekalian untuk sama-sama kita belajar *bertabayyun* berdasarkan satu kisah yang termaktub dalam sirah Nabi Muhammad SAW tentang “Bahayanya *tibayun*”.

Sebelum itu, mari kita memahami perbezaan antara *Tabayyun* dan *Tibayun*.

Menurut satu artikel yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka: *Tabayyun* berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud: Menyelidik sesuatu perkhabaran yang diterima sehingga dipastikan maklumatnya sahih dan benar. Menurut laman web mufti wilayah persekutuan pula *Tabayyun* bermaksud mensabitkan dan menyemak asas kebenarannya. Manakala *tibayun* adalah perkataan bahasa Melayu iaitu tiba yang bermaksud hentam, balun. Dalam konteks penulisan ini *tibayun* adalah berlawanan dengan *tabayyun*. Iaitu tidak menyelidik dan memastikan kesahihan sesuatu berita. Sebaliknya hanya menghentam *share*, membentuk persepsi yang salah sejurus menerima berita.

Setelah kita memahami beza antara *tabayyun* dan *tibayun*, mari sama-sama kita menghayati kisah daripada sirah Nabi Muhammad SAW berkaitan *tabayyun* ini. Seorang sahabat yang bernama al-Walid bin Uqbah telah diutus oleh baginda SAW pergi mengutip zakat daripada kaum Bani Mustaliq yang baru memeluk Islam dan berjanji untuk membayar zakat. Penduduk Bani Mustaliq yang beriman menantikan kedatangan wakil Rasulullah untuk mengambil zakat setelah tiba waktu yang dijanjikan. Namun, wakil Rasulullah tidak muncul. Mereka yang takut sesuatu berlaku di Madinah atau

Rasulullah telah marah kepada mereka berpakat menghantar utusan untuk pergi bertemu Rasulullah SAW bertanya tentang urusan pembayaran zakat mereka.

Al-Walid bin Uqbah yang dalam perjalanan menuju ke perkampungan Bani Mustaliq melihat utusan Bani Mustaliq dari jauh dan menyangka bahawa mereka tidak mahu membayar zakat dan keluar beramai-ramai untuk membunuhnya. Beliau RA bersegera pulang ke Madinah dalam keadaan ketakutan menyampaikan hal ini kepada Baginda SAW. Dengan itu, Baginda pun segera mengarahkan satu *sariyyah* (sekumpulan tentera yang kecil) supaya pergi memerangi kaum Bani Mustaliq kerana mereka mungkir janji dan ingin membunuh utusan Rasulullah SAW. Sambil tentera itu menyiapkan diri, tiba utusan Bani Mustaliq masuk berjumpa Nabi Muhammad SAW. Mereka bertanya mengapakah tiada siapa yang datang mengutip zakat dari Madinah seperti yang dijanjikan? Rupanya berlaku salah faham pada sahabat al-Walid bin Uqbah yang melihat mereka dari jauh menyangka mereka ingin membunuhnya tanpa menyelidiki perkara sebenar. Dengan sebab peristiwa ini turunnya ayat al-Quran:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِّئِنَّا فَتَبَيَّنُوا أَنْ
تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلَةٍ فَتَصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَدْمِينَ

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan. (Al-Hujurat : 6)

Dengan sebab maklumat yang tidak tepat ini hampir berlaku perperangan sesama umat Islam. Namun, dengan rahmat Allah SWT telah lerai konflik ini dengan baik. Kisah ini menjadi pengajaran kepada umat Islam khususnya remaja supaya *bertabayyun* ataupun menyelidik dahulu berita yang diterima. Sama ada berita tersebut benar ataupun tidak! Dan sekiranya benar sekalipun adakah sesuai disebarluaskan kepada rakan taulan?

Firman Allah dalam al-Quran:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوِ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ
 وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولَئِكَ الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعِلْمَهُ
 الَّذِينَ يَسْتَبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
 وَرَحْمَتُهُ لَا تَبْغُمُ الشَّيْطَنَ إِلَّا قَلِيلًا

Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada - “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu). (An-Nisa': 83)

Dapat difahami daripada ayat di atas, sikap suka memviralkan berita tidak kisah baik ataupun buruk patut dielak walaupun ianya betul. Kita perlu melihat kesannya juga kepada rakan taulan lain yang mendengar berita tersebut. Sekiranya kesannya baik, maka kita dapat pahala. Sekiranya buruk, mungkin kita akan terpalit dengan keburukan juga. Remaja hari ini tidak boleh mengambil sikap tibai sahaja atau hentam sahaja perkongsian berita tersebut.

Pada pemerhatian penulis, para remaja hari ini yang berkemungkinan besar terkesan dengan maklumat-maklumat yang salah ini perlu bersikap seperti seorang pengawas yang bersikap matang. Mereka perlu menjadi agen penyelamat dan pengislah dengan menyelediki dahulu setiap berita yang disampaikan. Jangan mudah terpedaya dengan hasutan syaitan yang sentiasa ingin memecahbelahkan sahabat-sahabat dan rakan taulan.

Remaja perlu amalkan konsep *tabayyun* bukan *tibayun*. Dikhawatiri apabila kita hanya *tibayun* sama-sama berkongsi dosa dengan mereka yang menyebarkan berita palsu tersebut. Lalu kita

tergolong dari kumpulan yang menyakiti hati orang lain khususnya orang beriman. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُؤْدُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِعَيْرٍ مَا اكْتَسَبُوا
 فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا

Maksudnya: Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata. (Al-Ahzab : 58.)

Lihatlah betapa besarnya dosa orang yang menyakiti hati orang beriman dengan menuduh sesuatu yang mereka tidak lakukan. Allah SWT murka terhadap mereka. Perkara ini berlaku mungkin dengan kita hanya menekan butang kongsi atau komen yang tidak baik terhadap mereka.

Kesimpulannya, saya menyeru kepada semua remaja-remaja di luar sana, marilah sama-sama kita menjadi remaja muslim terbaik yang mengamalkan segala ajaran agama khususnya *bertabayyun* ketika mendengar suatu berita, semoga dengan usaha itu kita dapat menjadi agen penyelamat kepada umat ini.

LAKUKANLAH TABAYYUN

"Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita, maka bersungguh-sungguhlah mencari kejelasan agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa pengetahuan yang menyebabkan kamu atas perbuatan kamu menjadi orang-orang yang menyesal."

(QS Al Hujurat:6)





ADAB BERSAMA GAJET



*Ustaz Salehuddin Bin Abu Samah
Ketua Jabatan Semakan dan Pengesahan Syariah
Pusat Kepakaran Pematuhan Syariah
RHB Islamic Bank Berhad*

Kehairahan masyarakat menggunakan pelbagai gajet mutakhir ini kadangkala sangat membinimbangkan. Terutamanya apabila alat-alat canggih ini digunakan tanpa had serta jauh dari adab-adab yang diajarkan oleh Islam. Saya ingin mendapatkan panduan mengenai adab-adab yang perlu dijaga ketika menggunakan pelbagai gajet seperti telefon pintar (*smart phone*), *i-pad*, *tablet* dan sebagainya?

Jawapan:

Alhamdulillah. Tahniah saya ucapkan atas sifat cakna yang ditunjukkan. Saya bersetuju dengan kebimbangan yang saudara nyatakan. Walaubagaimanapun, kebimbangan ini sebenarnya boleh diatasi sekiranya kita memahami bahawa adab perlu sentiasa dijaga dalam setiap perbuatan kita. Terlalu banyak adab yang Islam ajarkan kepada umatnya, daripada sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarnya. Maka, dalam menggunakan gajet, prinsip menjaga adab tetap sama, cuma bentuknya berbeza. Saya nyatakan beberapa adab menggunakan gajet untuk sama-sama kita amalkan:

1. Berusaha sedaya upaya agar tidak menyakiti orang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Elakkan dari menelefon rakan-rakan pada waktu yang tidak sesuai. Peliharalah maruah mereka dengan tidak mendedahkan aib mereka, memuat naik gambar-gambar yang tidak sewajarnya, menyebarkan cerita palsu dan sebagainya.
2. Pastikan kesahihan nombor telefon yang dihubungi. Ini untuk mengelakkan gangguan secara tidak sengaja kepada seseorang yang sedang tidur, sakit atau apa-apa situasi yang tidak sesuai untuk dihubungi.
3. Tidak memanjangkan perbualan selain perkara penting dan bermanfaat. Apatah lagi jika perbualan tersebut dicemari dengan dosa mengumpat dan memburuk-burukkan orang lain.
4. Pelihara diri daripada tergolong dalam golongan yang mudah dan suka menekan butang *forward* lalu menyebarkan maklumat, berita, gambar, persoalan-persoalan yang berkaitan dengan agama tanpa memastikan kesahihannya.
5. Gunakan nada dering yang baik dan mesra telinga. Pastikan hanya gambar-gambar sopan menghiasi skrin gajet. Ia secara tidak langsung menggambarkan keperibadian anda.
6. Elak daripada membiarkan nada dering telefon bimbit dalam keadaan berbunyi kuat khususnya ketika mendirikan solat, mesyuarat dan majlis ilmu. Lebih baik meletakkan telefon dalam mod senyap terlebih dahulu.



7. Manfaatkan gajet di tangan semaksimumnya. Alunan ayat suci al-Quran adalah aplikasi wajib yang perlu ada. Rajin-rajinlah mendengar pengisian ilmu Islam yang boleh dimuat turun supaya boleh didengar pada waktu-waktu senggang.

RINGKASKAN SALAM

Mestikah saya memulakan dengan ucapan salam setiap kali membuat panggilan telefon, SMS, Whatsapp dan lain-lain?

Jawapan:

Ya, itulah adab yang terbaik. Seseorang yang memulakan panggilan, SMS, Whatsapp dan sebagainya wajar memulakan dengan ungkapan salam terlebih dahulu. Ucapan Assalamu'alaikum warahmatullah ialah tahiyyah (ucapan penghormatan) Allah Taala, para malaikat-Nya dan para rasul-Nya kepada orang-orang yang beriman di syurga.

Ucapan salam sebelum memulakan perbualan adalah merupakan sunnah Rasulullah yang mulia. Sesiapa yang tidak suka atau berasa susah untuk mengamalkannya, dikhawatir termasuk ke dalam golongan yang tidak menyukai sunnah Nabi.

IBADAH TERABAI

Apa pandangan ustaz tentang fenomena masyarakat sekarang yang terlalu teruja dan ghairah dengan pelbagai gajet canggih sehingga ibadah, keluarga dan masyarakat terabai dan tidak dipedulikan sama sekali?

Jawapan:

Mari kita hayati sebuah kisah dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari yang menceritakan bahawa Salman al-Farisi menegur sahabatnya Abu Darda' agar memberikan hak yang sewajarnya kepada semua pihak yang berhak. Kata Salman kepada Abu Darda': "Sesungguhnya untuk Tuhanmu ada haknya, untuk dirimu ada haknya dan untuk keluargamu juga ada haknya. Maka berikanlah hak yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang berhak menerima haknya".

Selepas peristiwa tersebut, Abu Darda' menceritakannya kepada Rasulullah. Baginda telah mengiakan perkara yang disebut oleh Salman dengan bersabda: "Benarlah Salman".

Dalam kisah ini, Ummu Darda' iaitu isteri kepada Abu Darda' mengadu kepada Salman al-Farisi tentang hal diri dan keluarganya yang terabai disebabkan penumpuan Abu Darda' kepada ibadah-ibadah sunatnya. Jika dalam perkara sunat pun kita dilarang melampau-lampau sehingga mengabaikan hak keluarga, maka apatah lagi dalam keasyikan menggunakan gajet dan peralatan canggih ini.

Lihatlah anak-anak kecil kita yang belum pandai bercakap tetapi tangannya sudah lancar meluncur di papan skrin. Pasti kita tidak mahu membayangkan anak-anak kita nanti yang hanya mesra dengan gajet, namun tidak sesama insan di sekelilingnya. Janganlah hendaknya alat-alat ini membawa kepada perpecahan keluarga dan rosaknya institusi kekeluargaan. Lebih parah apabila ibadah wajib dan segala tanggungjawab kepada Allah juga terkorban.

Semoga Allah memelihara kita semua daripada tergolong dalam golongan yang lalai. Wallahu'a'lam.

Malaysian Family, A Prosperous Family



Nur Natasyah Binti Jumain

Values such as sacrifice, trust, love and peace stand behind the meaning of the word ‘family’. The aspiration of ‘Malaysian Family’ brings great hope for all of us. This aspiration is conceived so that the members of the ‘Malaysian Family’ can synergize and rise together for the sake of rebuilding the country to be more prosperous, developed, blessed and affluent.

The aspiration of ‘Malaysian Family, a Prosperous Family’ is more interesting when observed from the Maqasid al-Shariah’s perspective. This concept was introduced as a guidance, so we can together realise this aspiration based on Islamic rulings. Maqasid al-Shariah is a discipline of knowledge developed by scholars for us to further understand the purpose of certain sharia rulings. In short, Maqasid al-Shariah is a form of policy in religion, and the main element is to achieve *maslahah* (benefits) and prevent *mafsadah* (detriment).

In order to realise this aspiration which has inclusivity, common ground and contentment as its core values, we must have an administrative model that can be emulated and proven to be successful in living harmoniously as a plural and tolerant society. After studied, among the ideas used for this concept is *Fiqh Ta’ayush* (*Fiqh* of Co-Existence) which is

part of *fiqh* that studies laws related to social interaction involving people of multiple genders, races, religions and countries to develop a harmonious life together.

Therefore, to ensure that this aspiration becomes a reality, five initiatives below need to be given joint attention:

1. Strengthening the aspect of physical, mental and spiritual,
2. Strengthening the Islamic education system,
3. Strengthening family, social and Islamic community institutions,
4. Strengthening the institution of mosques and surau, as well as
5. Strengthening the community socio-economic.

With these five initiatives, it is hoped that the idea of a ‘Malaysian Family, a Prosperous Family’ that we dream of can be built, and form a blessed, peaceful and prosperous country. With that, Malaysians can live tolerantly, maintain mutual sensitivity and avoid provoking one another as taught by al-Quran.

Life goes on...

Whether you choose to move on and
take a chance in the unknown.
Or stay behind, locked in the past,
thinking of what could've been.

SIRI
24

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2022



Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-penerbitan JAKIM



PENGENALAN BUKU

Bicara Tasawuf dan Tarekat: jaluan pemerkasaan kerohanian dalam arus materialisme ini ditulis oleh Prof. Emeritus Dato' Zakaria Stapa.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memperkenalkan disiplin ilmu tasawuf dan kaitannya dengan institusi tarekat serta peranan yang boleh disumbangkan oleh disiplin ilmu ini dalam menghadapi cabaran semasa yang dipenuhi dengan pelbagai gejala kemufusan nilai akhlak mulia hasil daripada penguasaan unsur kebendaan dalam kehidupan. Semoga bermanfaat.

Mengandungi

5 Bab

100 Muka Surat

900 Naskhah



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
03-8870 7445 / 7446



Kedai Buku JAKIM